

Headline	MyKasih ringankan beban mangsa banjir		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	21 Jan 2015	Color	Full Color
Section	Supplement	Circulation	314,000
Page No	L-16	Readership	942,000
Language	Malay	ArticleSize	205 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 7,067
Frequency	Daily	PR Value	RM 21,200



## MyKasih ringankan beban mangsa banjir

MyKasih Foundation, yayasan kebajikan yang menyalurkan bantuan makanan dan pendidikan, turut meringankan beban keluarga MyKasih yang menjadi mangsa banjir.

Pengerusinya, Tan Sri Dr Ngau Boon Keat, berkata pihaknya menyediakan elaun khas bagi membolehkan mangsa membeli barangan asas di kedai terpilih menggunakan MyKad.

Beliau yang juga pengasas yayasan itu berkata, sumbangan itu sekurang-kurangnya meringankan beban mereka untuk meneruskan kehidupan dengan lebih sempurna.

“Dengan derma dikumpul, kami anggarkan sebanyak 8,000 isi rumah dapat dibantu,” katanya.

MyKasih Foundation memulakan kempen derma menyokong usaha membantu mangsa banjir. Setakat ini sejumlah RM2 juta berjaya dikumpulkan.

### Terima sumbangan daripada badan kebajikan lain

Selain sumbangan peribadi daripada Dr Ngau, MyKasih juga menerima sumbangan daripada badan kebajikan lain berjumlah RM350,000, untuk tujuan itu.

Sumbangan lain diterima

daripada syarikat berasaskan makanan tambahan iaitu Shaklee (Malaysia) Sdn Bhd berjumlah RM1.1 juta membabitkan minuman berkhasiat.

MyKasih Foundation ditubuhkan enam tahun lalu dan sepanjang tempoh itu, pihaknya sudah membantu lebih 200,000 isi rumah berpendapatan rendah di lebih 250 lokasi seluruh negara.

Selain bantuan makanan dan derma siswa pelajar, program kebajikan MyKasih merangkumi pembayaran tanpa tunai untuk petrol, rawatan perubatan, pengangkutan awam dan bil kemudahan (utiliti).



Penerima subsidi MyKasih, Mek Nab Yusoff, 48, menunjukkan Mykad yang digunakan untuk pembelian barang keperluan harian tanpa menggunakan wang.

[FOTO SYAMSI SUHAIMI. [BH]]